

**Visi:** Komuniti pelajar yang efektif, terlibat dalam pembelajaran serta mempunyai minat dalam Bahasa Melayu

**Misi:** Untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik bagi mendorong murid berdikari, memupuk rasa cinta terhadap budaya Melayu dan menyediakan ruang agar murid dapat menjadi penutur yang efektif.

## **DARJAH 1**

### **HASIL PEMBELAJARAN UNTUK MURID**

Berikut merupakan hasil pembelajaran untuk murid-murid pada akhir tahun Darjah 1.

#### **Mendenqar**

1. Mendengar dan mengecam bunyi huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul
2. Mendengar dan memahami pelbagai jenis teks pertuturan dengan memberikan respons yang sesuai

#### **Bertutur**

1. Bertutur untuk menyampaikan semula sesuatu perkara
2. Bertutur untuk menyampaikan sesuatu perkara
3. Bertutur untuk menerangkan isi

#### **Membaca**

1. Membaca dan mengecam bunyi suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betul
2. Membaca teks dan memahami isi

#### **Menulis**

1. Menulis pelbagai jenis frasa dan ayat
2. Menulis pelbagai jenis teks prosa
4. Mengenal pasti kesilapan dengan membetulkan ejaan perkataan dan tanda baca dalam teks

### **Kemahiran Interaksi Lisan**

1. Berbual tentang sesuatu perkara menggunakan kosa kata dan ayat yang betul
2. Bertanya dan menjawab pertanyaan

### **Tatabahasa**

1. Menggunakan Kata Nama dengan betul mengikut konteks
2. Menggunakan Kata Kerja dengan betul mengikut konteks
3. Menggunakan Kata Adjektif dengan betul mengikut konteks
4. Menggunakan Kata Tugas dengan betul mengikut konteks
5. Menggunakan proses Pengimbuhan dengan betul dalam pelbagai konteks
6. Menggunakan proses Penggandaan dengan betul dalam pelbagai konteks
7. Menggunakan dan membina ayat tunggal

### **Penerangan berdasarkan Gambar**

1. Menerangkan aktiviti yang dilihat dalam gambar dengan jelas dan yakin menggunakan Bahasa Melayu Baku
2. Menyampaikan maklumat yang tepat dan padat berdasarkan aktiviti yang terdapat dalam gambar

### **Unjuk dan Ujar**

1. Bertutur dengan lancar menggunakan intonasi yang sesuai
2. Membuat persembahan dengan yakin dan berkesan
3. Membuat persembahan yang bersahaja dan menarik

## **PROGRAM DAN AKTIVITI BAHASA MELAYU DI SHUQUN**

### **Ejaan**

- Senarai Ejaan akan diberikan setiap penggal
  - > Perkataan-perkataan yang diuji merupakan perkataan yang terdapat dalam buku Cita

- Ejaan yang dijalankan seminggu sekali akan dibuat di dalam buku latihan Ejaan
  - > Setiap perkataan yang telah dieja dengan salah perlu ditulis sekali sebagai pembetulan

### Lembaran Kerja

- Latihan pengukuhan bagi setiap Unit yang telah dipelajari
  - Lembaran kerja Kosa Kata / Mengisi tempat kosong

### Program Bacaan

- Bertujuan untuk menyemai minat membaca di kalangan murid dan juga mendedahkan murid pada bahan bacaan.
- Satu waktu telah dikhaskan setiap minggu untuk guru menjalankan aktiviti bacaan yang telah dirancang khas untuk murid. Murid-murid Primari 1 akan didedahkan pada buku cerita yang mempunyai unsur nilai murni. Murid juga akan membuat aktiviti pra dan pasca bacaan

### Dwi Minggu Bahasa

- Murid akan didedahkan pada aspek bahasa dan budaya dalam suasana pembelajaran yang menarik mengikut tema yang telah ditetapkan

### Penerangan lanjut tentang Hasil Pembelajaran

- **Bacaan**

> Murid dikehendaki membaca dengan lancar dan yakin petikan yang diberikan dengan menggunakan sebutan baku yang sesuai


*Contoh teks bacaan*

1. Saya suka ke sekolah.
  2. Di sekolah saya ada taman eko.
  3. Di situ ada kolam dan bunga.
  4. Saya ke sana bersama rakan saya.
  5. Kami ke sana pada waktu rehat.

- **Kefahaman Mendengar**

- > Guru akan membacakan teks
- > Murid perlu memilih jawapan yang betul berdasarkan teks yang dibacakan guru.
- > Murid perlu mendengar dan memahami teks yang dibacakan guru dan memilih respons yang sesuai.



*Contoh gambar Kefahaman Mendengar:*



• Penerangan berdasarkan Gambar

> Murid perlu menerangkan aktiviti yang dilihat dalam gambar yang diberikan.

Contoh:



**Teknik bagi membantu anak anda dalam Penerangan berdasarkan Gambar**

- > senaraikan perkara-perkara yang dilihat dalam gambar dalam bentuk Medan Kata
- > perkataan boleh disenaraikan mengikut Golongan Kata seperti Frasa Nama / Frasa Kerja
- > kerapkan latihan di rumah agar anak anda terbiasa bertutur dalam Bahasa Melayu

**Contoh Medan Kata**

Kata / Frasa Nama	Kata / Frasa Kerja
televisyen	duduk
ruang tamu	menarik

**GAMBARAN KESELURUHAN KURIKULUM BAHASA MELAYU DI SHUQUN**

<b>BAHAN-BAHAN PEMBELAJARAN &amp; LEMBARAN KERJA</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Buku cerita kecil (CITA)</li><li>• Latihan Ejaan</li><li>• Latihan Bina Ayat</li><li>• Lembaran kerja</li><li>• Portal SLS</li><li>• Aktiviti Pra dan Pasca Bacaan</li></ul>
<b>PROGRAM SEKOLAH</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Program Bacaan</li><li>• DwiMinggu Bahasa Ibunda</li><li>• Sambutan Perayaan</li></ul>

## **Persediaan untuk anak anda sebelum ke Darjah 1: Apa yang boleh dilakukan bagi mempersiapkan diri ke Primari 1.**

Bagi membantu anak anda membuat persediaan sebelum melangkah ke Darjah 1, berikut merupakan beberapa perkara yang boleh dilakukan:

- 1) Bertutur dengan anak anda setiap hari menggunakan Bahasa Melayu. Ini akan membantu anak anda berasa lebih selesa dalam kelas Bahasa Melayu kerana dia sudah terbiasa dengan bahasa ini. Apabila anak anda mampu bertutur dalam Bahasa Melayu, ini membantu mereka menambah keyakinan mereka di dalam kelas.
- 2) Dengar lagu Melayu atau tonton rancangan-rancangan Melayu yang bersesuaian dengan umur anak anda. Ini membantu mereka menjadi lebih terbiasa dan terdedah pada penggunaan Bahasa Melayu.
- 3) Dedahkan anak anda pada bahan bacaan Bahasa Melayu. Baca buku cerita Melayu bersama-sama. Anda boleh adakan perbincangan tentang gambar / watak atau apa yang anak anda suka dalam buku cerita yang dibaca. Ini juga akan dapat membantu anak anda mengukuhkan penguasaan kosa katanya.

### **Bahan-bahan rujukan tambahan**

- 1) <http://prpm.dbp.gov.my/> - Ini merupakan lelaman kamus dalam talian.
- 2) Permainan Bahasa: Aplikasi Pintar Kata (MLCS)
- 3) Buku Cerita Elektronik: Aplikasi Cerita Rakyat Nusantara (MLCS)
- 4) [www.nlb.gov.sg/golibrary](http://www.nlb.gov.sg/golibrary) Ini merupakan lelaman web perpustakaan kebangsaan. Terdapat banyak buku bacaan elektronik yang boleh didapati di dalam lelaman ini.

### **Kesimpulan**

Buku panduan untuk Darjah 1 ini diharapkan dapat digunakan oleh ibu bapa sebagai panduan untuk membantu anak-anak di rumah. Dengan adanya buku panduan ini diharapkan ibu bapa dapat membimbing anak-anak dengan lebih berkesan untuk pelajaran Bahasa Melayu.